



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
DI PUSAT PENGURUSAN MAKMAL ALAMI DAN FIZIKAL UKM (ALAF-UKM)**

Pihak Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM), UKM mempelawa Warganegara Malaysia yang berkeelayakan, komited dan berdedikasi untuk berkhidmat di ALAF-UKM bagi jawatan berikut:

1. **PEGAWAI TADBIR (PROMOSI DAN PEMASARAN) N41 (kontrak)**
2. **PEREKA B19 (kontrak)**
3. **PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 (kontrak)**

Maklumat dan keperluan jawatan adalah seperti berikut:

1. PEGAWAI TADBIR (PROMOSI DAN PEMASARAN) N41 (kontrak)

I. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred N41:

Gaji	Minimum	RM 2,080.00
	Maksimum	RM 9,546.00
Elaun	Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 300.00
	Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH)	RM 300.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 225.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM) – satu (1) kekosongan	

II. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. Syarat Ujian Khas

Calon lantikan adalah dikehendaki menyediakan portfolio berkaitan pengalaman dalam bidang kerja dan lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan.

IV. Kemahiran Dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (a) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu.
- (b) Mempunyai pengalaman di dalam bidang promosi dan pemasaran
- (c) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

V. Deskripsi Tugas:

- (a) Bertanggungjawab di dalam pembangunan aktiviti pemasaran, promosi dan penjualan program/produk serta sokongan pembangunan perniagaan ALAF-UKM dari semasa ke semasa.
- (b) Menyediakan pelan tindakan bagi aktiviti pemasaran berdasarkan strategi tersasar. Perancangan menyeluruh termasuk bajet, keperluan media komunikasi, pulangan hasil yang disasarkan mengikut perbelanjaan dan impak program (*complete feasibility study for each marketing activity*)
- (c) Melaksanakan pelan tindakan bagi aktiviti pemasaran berdasarkan apa yang telah dirancang.
- (d) Membuat pelaporan bagi pelaksanaan program dan aktiviti pemasaran yang dilaksanakan di peringkat pusat/induk.
- (e) Menyediakan rancangan tahunan program promosi bagi perkhidmatan ALAF-UKM
- (f) Mempromosikan perkhidmatan ALAF-UKM kepada pengguna dalam dan luar UKM
- (g) Mengendali dan mengemaskini mana sesawang ALAF-UKM dan makmal dibawahnya.
- (h) Mengkoordinasikan pembinaan video korporat, content video, penulisan dan lain-lain bagi semua makmal di bawah ALAF-UKM
- (i) Mewujudkan jaringan dengan pihak yang berkepentingan secara keseluruhan berkaitan perkhidmatan di ALAF-UKM
- (j) Mengurus aduan dan maklumbalas pelanggan unit seliaan.

2. PEREKA B19 (kontrak)

I. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred B19:

Gaji	Minimum	RM 1,360.00
	Maksimum	RM 4,032.00
Elaun	Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 115.00
	Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH)	RM 350.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 100.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan kekosongan	Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM) – satu (1) kekosongan	

II. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (e) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24); atau
 - (g) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. Syarat Ujian Khas

Calon lantikan adalah dikehendaki menyediakan portfolio berkaitan pengalaman dalam bidang kerja dan lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan.

IV. Kemahiran Dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (a) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu.
- (b) Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam fotografi dan suntingan grafik
- (c) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

V. Deskripsi Tugas:

- (a) Menghasilkan rekabentuk dan rekaletak grafik bagi majlis rasmi Pusat s seperti poster/banner/backdrop/digital board/kulit buku/brosur/flyers/kad jemputan/sijik/nametag/dll.
- (b) Membangunkan reka bentuk slaid untuk pembentangan Pusat
- (c) Menyusun atur gambar dan membuat cropping untuk penyediaan grafik, reka letak dan digital board
- (d) Menyediakan bahan-bahan untuk tujuan promosi di laman sosial ALAF-UKM

3. PEMBANTU KEMAHIRAN H19 (kontrak)

I. Jadual Gaji Minimum – Maksimum Gred H19:

Gaji	Minimum	RM 1,377.00
	Maksimum	RM 4,052.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 115.00
	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)	RM 350.00
Kenaikan gaji tahunan	RM 100.00	
Taraf Jawatan	Kontrak (Pelanjutan tertakluk kepada prestasi dan kewangan projek yang mengizinkan)	
Lokasi dan Kekosongan	Pusat Penyelidikan Bukit Fraser (PPBF), Pahang – Satu (1) kekosongan	

II. Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan akademik seperti berikut:
 - i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,377.00); atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,435.12); atau
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24); atau
 - v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1,493.24)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

III. Kemahiran Dan Pengalaman Khusus Dalam:

- (a) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Melayu.

- (b) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan berupaya menjalankan tugas yang lasak
- (c) Berpengalaman dalam kerja baikpuluh kecil
- (d) Berminat bekerja di hutan dan lapangan (di luar pejabat).
- (e) Mempunyai kemahiran dalam menggunakan komputer.
- (f) Boleh bekerja di bawah penyeliaan minimum dan berdedikasi.

IV. Deskripsi Tugas:

- (a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- (b) Menerima dan menyediakan keperluan pelawat di PPBF
- (c) Menjalankan kerja-kerja sokongan dan teknikal di bangunan PPBF termasuk kebersihan dan pengemaskinian inventori
- (d) Menjalankan aktiviti perkebunan di PPBF
- (e) Menjalankan tugas Penolong Jurupandu untuk aktiviti denai di PPBF
- (f) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

V. Syarat Tambahan

Bersedia untuk bekerja di Bukit Fraser dalam tempoh yang panjang.

CARA MEMOHON:

- a) Menghantar surat permohonan dengan mengemukakan **Latar Diri lengkap dengan sijil/dokumen berkaitan yang telah disahkan melalui emel** kepada:
Pengarah,
Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM),
43600 UKM Bangi, Selangor.
di alamat emel: pghalaf@ukm.edu.my
- b) Pemohon juga wajib mengisi borang google di pautan tersebut <https://forms.gle/RC9y68QxRP5PSwgu6> bagi tujuan pengemaskinian data.
- c) Calon-calon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga secara dalaman di Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM), UKM Bangi.
- d) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Mardinah Alimat
Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM)
UKM Bangi, Selangor.
No. Tel: **03-8911 8290**
(e-mel: mardinah_alimat@ukm.edu.my)

Sila layari laman sesawang berikut untuk maklumat lanjut berkaitan kami di <http://www.ukm.my/alafukm>

Tarikh Buka Iklan : 10 Julai 2023 (Isnin)
Tarikh Tutup Iklan: 17 Julai 2023 (Isnin)